

03 JUN 2002

Kesatuan-Kanak-kanak/I

PERSIDANGAN UNI-APRO TANGANI MASALAH BURUK KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Pembasmian buruh kanak-kanak merupakan satu daripada isu utama yang akan dibincangkan pada persidangan tiga hari Rangkaian Kesatuan Antarabangsa-Pertubuhan Serantau Asia Pasifik (UNI-APRO) yang bermula di sini hari ini.

Menyentuh laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa, presiden UNI-APRO Joseph De Bruyn berkata 246 juta kanak-kanak terlibat dalam kegiatan buruh kanak-kanak dalam bentuk yang tidak boleh diterima dengan 179 juta, kebanyakan kanak-kanak bawah umur 15 tahun, menceburi pekerjaan berbahaya seperti perlombongan, perikanan dan pembinaan.

Kira-kira 8.4 juta kanak-kanak terperangkap dalam masalah perhambaan, diperdagangkan, bekerja secara paksa dalam konflik senjata, pelacuran dan pornografi.

"Enam puluh peratus kanak-kanak yang bekerja berada di rantau Asia Pasifik," kata De Bruyn dalam ucapannya pada perasmian persidangan serantau itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Beliau berkata memandangkan kebanyakan kanak-kanak berada di bawah ekonomi tidak formal yang selalunya tidak diiktiraf atau dilindungi di bawah rangka undang-undang dan peraturan pasaran buruh, adalah menjadi satu perjuangan yang sukar untuk menghapuskan masalah buruh kanak-kanak.

Beliau berkata kanak-kanak ini, yang menjalankan kerja buruh, sepatutnya berada di sekolah, mendapatkan pendidikan yang mereka perlukan untuk berjaya dalam sebuah dunia globalisasi.

"Ibu bapa mereka yang selalunya tidak bekerja, yang sepatutnya menjalankan tugas itu bagi mendapatkan ganjaran yang cukup untuk menyara keluarga mereka, termasuk pendidikan anak-anak mereka dalam cara yang biasa dilakukan," katanya.

Selain itu, persidangan itu patut memberi tumpuan kepada perkembangan baru-baru ini di Myanmar dan keadaan buruh di situ.

De Bruyn juga berkata adalah diharapkan mesyuarat itu akan membuat rumusan yang akan menyediakan UNI-APRO dengan sejumlah objektif strategik bagi rantau ini pada masa depan.

Ini termasuk mencari dimensi sosial kepada proses globalisasi, perjanjian global dengan perbadanan antarabangsa yang beroperasi di rantau ini dan meningkatkan kuasa wanita dalam pekerjaan.

Mesyuarat itu dihadiri kira-kira 500 anggota delegasi mewakili dua juta anggota UNI di Asia Pasifik.

-- BERNAMA

MAM HK RON